

Adat perlembagaan pastikan institusi Raja Melayu terpelihara

- Sebahagian adat perlembagaan martabatkan kedudukan Raja Melayu dalam manuskrip silam dimasukkan dalam undang-undang tubuh kerajaan negeri bersifat moden
- Takrif kedaulatan Raja Melayu termaktub secara kejam sehingga institusi beraja tak boleh digantung, dihapuskan melalui ordinan darurat, akta Parlimen



Oleh Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
bhrencana@bh.com.my

Pengasas
Jurisprudens
Watan dan
Profesor Madya
Universiti Malaysia
Pahang (UMP)

Pelbagai maklumat sistem politik dan perundangan tersimpan dalam manuskrip Melayu, tetapi pembacaannya begitu terhad. Antara begitu terseliah dalam manuskrip Melayu ialah adat perlembagaan dalam sistem tradisional di alam Melayu, terutama semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, negeri di Tanah Melayu pascakesultanan itu, Aceh dan Brunei Darussalam.

Justeru, penganjuran persidangan separiti Persidangan & Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu 2022 bertemakan 'Manuskrip Perundangan Melayu Korpus Warisan Tempatan & Dunia', baru-baru ini dapat mendedahkan hal berkenaan kepada khalayak. Pengaruh Hukum Kanun Melaka sebagai dokumen adat Melayu yang bukan sahaja mengandungi undang-undang adat, bahkan hukum Islam dalam pelbagai aspek seperti perlembagaan, jenayah, sivil (mal), keterangan dan peribadi juga dikupas pengkaji dari Malaysia, Indonesia dan Brunei pada persidangan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Majlis Belia Malaysia (MBM) itu.

Amalan sejak ribuan tahun

Adat perlembagaan membicarakan kenegaraan sesebuah kerajaan atau pemerintahan meliputi kedaulatan, kerakyatan, sistem politik, sistem undang-undang dan perundangan, tadbir urus serta kewilayahan.

Perlembagaan wujud sama ada bertulis atau tidak apabila mempunyai ciri seperti sistem undang-undang, adat dan konvensyen, komposisi dan organ pentadbiran, pengalihan kuasa antara organ pentadbiran serta hubungan dengan rakyat seperti ditegaskan sarjana Barat Hood Philip & Jackson (2001).

Perbahasan adat perlembagaan begitu menarik kerana institusi Raja mengetuainya dalam sistem pemerintahan watan mendirikan kenegaraan di Tanah Melayu sejak ratusan tahun atau mungkin ribuan tahun dahulu lagi.

Adat perlembagaan di Tanah Melayu berbeza dengan maksud dan kedudukan konvensyen perlembagaan yang diguna pakai dalam kerangka Westminster kerana adat perlembagaan kita bersumberkan adat Melayu bertulis yang berkuat kuasa sejak sebelum Hari Persekutuan Tanah Melayu pada 1948.

Sebahagian adat perlembagaan berkenaan dimasukkan dalam dokumen undang-undang tubuh kerajaan negeri yang lebih bersifat moden berbanding bentuk penulisannya terdahulu.

Kedaulatan Raja-Raja Melayu dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946 adalah terletak pada diri Raja di negeri baginda mengikut adat Melayu.

Disebabkan adat perlembagaan sebagai teras dalam adat Melayu masih terpelihara dalam takrifan kedaulatan Raja-Raja Melayu dan terus-menerus dimaktubkan dalam setiap undang-undang tubuh kerajaan negeri, maka meskipun berlaku darurat, kedudukan institusi beraja dalam Persekutuan

Malaysia atau mana-mana bahagiannya tidak boleh digantung atau dihapuskan melalui ordinan darurat mahupun akta Parlimen.

Hal ini termaktub dalam Perkara 150(6A) berlandaskan kedudukan adat Melayu dan batasan kuasa Parlimen ketika darurat serta bidang kuasa negeri mengenai adat Melayu menurut Butiran I Senarai II Jadual Kesembilan.

Kajian teks undang-undang bertulis dan sejarah perundangan menunjukkan adat Melayu adalah apa ditakrifkan sebagai adat, budaya dan undang-undang pada hari ini selain hukum-hukum diwahyukan dalam al-Quran dan al-sunah; merangkumi prinsip kedaulatan, sistem perundangan, politik, peraturan, etos dan nilai tidak bercanggah dengan ajaran Islam seperti diwarisi daripada amalan masyarakat dan kerajaan Melayu pada masa silam.

Kedaulatan mengikut adat Melayu meletakkan kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai pemerintah tertinggi dan pemegang amanah kedaulatan mutlak milik Allah SWT. Status itu termaktub dalam

“Kedaulatan Raja Melayu mengabsahkan amalan patuh syariah sebagai prinsip kenegaraan, selaras kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, negeri”

adat perlembagaan terkandung dalam pelbagai hukum kanun di Tanah Melayu.

Hukum kanun sebagai adat Melayu bertulis masih diiktiraf kerana menjadi elemen dalam takrifan undang-undang menurut Perkara 160(2) dan berstatus sebagai undang-undang sedia ada di bawah Perkara 162.

Kedaulatan tidak terjejas

Kedudukan kedaulatan mengikut adat Melayu dalam kerangka undang-undang negara diperkukuhkan lagi melalui Perkara 181(1) yang menetapkan kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Raja-Raja Melayu (takrifan Raja bagi Negeri Sembilan termasuk Yang di-Pertuan Besar dan pembesar memerintahnya) sedia ada seperti sebelum Hari Merdeka adalah tetap terpelihara dan tidak terjejas, melainkan setakat dihadkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, Perkara 71(1) memperuntukkan jaminan Persekutuan ke atas hak dan keistimewaan Raja-Raja Melayu menurut undang-undang tubuh kerajaan negeri masing-masing. Raja-Raja Melayu juga mempunyai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran pada peringkat Persekutuan yang tidak boleh disentuh tanpa perkenan Majlis Raja-Raja yang bersidang menurut Jadual Kelima Perlembagaan.

Pentakrifan kedaulatan seorang Raja Melayu mengikut adat Melayu dengan sendirinya mengabsahkan amalan patuh syariah sebagai prinsip kedaulatan Malaysia selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan negeri.

Kedudukan itu juga meletakkan kewajipan kepada setiap individu dan entiti yang melaksanakan fungsi kuasa perundangan, eksekutif dan kehakiman seorang Raja Melayu untuk menyempurnakan tanggungjawab baginda sebagai pemegang amanah kedaulatan milik Allah SWT, menjunjung adat perlembagaan watan kita.

